

06 SEP 1998

BN SARAWAK ANGGAP PEMECATAN ANWAR SEBAGAI MASALAH DALAMAN UMNO

KUCHING, 6 Sept (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sarawak menganggap pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno sebagai masalah dalaman UMNO, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini.

Beliau yang juga pengerusi BN negeri berkata tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Anwar daripada parti mungkin dibuat untuk menjaga kestabilan politik negara.

"Kami percaya bahawa kalau perkara itu dapat dielak tentu sekali Majlis Tertinggi UMNO tidak akan mengambil keputusan seperti itu." katanya kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat BN Sarawak mengenai perkara itu di sini hari ini.

Sementara itu, anggota Parlimen Kapit, James Jimbun, berkata kesemua 24 anggota Parlimen BN dari Sarawak menyokong sepenuhnya keputusan Dr Mahathir dalam menangani situasi politik khususnya dalam memastikan kestabilan Malaysia berterusan.

"Kami juga ingin mengulangi sokongan kami kepada Perdana Menteri dalam usaha beliau untuk memulihkan ekonomi negara," katanya dalam kenyataan dua perenggan bagi pihak rakan-rakannya itu.

-- BERNAMA

CJ WAT